

---

**TEMPOH BAGI ANGGAPAN MATI DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI  
NEGARA-NEGARA ISLAM: SATU SOROTAN**

***THE DURATION FOR PRESUMPTION OF DEATH IN ISLAMIC FAMILY LAW IN MUSLIM  
COUNTRIES: A REVIEW***

<sup>i</sup>Mohd Azhar Abdullah, <sup>i</sup>Ahmad Syakir Mohd Nassuruddin, <sup>i</sup>Abdul Azib Hussain, <sup>i</sup>Nurul Akma Mohamed  
& <sup>ii</sup>Khairulnazirin Nasir

<sup>i</sup>Department of Al-Syariah, Faculty of Islamic Contemporary Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University  
(KIAS)

<sup>ii</sup>Academy of Islamic Studies, University Malaya Education Centre (UMEC)

\*Corresponding Author: [dr.har68@gmail.com](mailto:dr.har68@gmail.com)

**ABSTRACT**

The application for the determination of religious status in Malaysia is not something new. This paper aims to highlight the actual situation regarding cases in the Syariah courts and civil courts. By analyzing cases reported in various legal journals, the study finds that there is significant diversity in these applications. Not all applications are made in the Syariah courts. There are also applications made to the civil courts to request the renunciation of religion and judicial review to challenge the decisions of the Syariah courts and the Department of National Registration that rejected their applications to change religion and names. The determination of religious status approved by the Syariah courts only involves cases of confusion regarding religion and not cases involving original Muslims seeking to renounce their faith. In conclusion, the Syariah courts are found to be very cautious in making decisions regarding the determination of a person's religious status.

**Keywords:** *Presumption of death, duration, law, country, Islam*

## Abstrak

Anggapan mati atau *mafqud* lazimnya berlaku dalam keadaan tragedis. Kesannya amat besar, terutama status perkahwinan, *iddah* dan pusaka yang ditangguhkan sehingga pihak mahkamah memutuskannya. Ia menjadi isu fiqh dan perundangan Islam serta sivil disebabkan jasad hakiki tidak ditemui. Menurut bidang kuasa Syariah di Malaysia, tempoh minimum isteri menunggu adalah selama empat (4) tahun untuk pembubaran perkahwinannya, kemudian ia beriddah selama empat bulan sepuluh hari. Namun realiti semasa, tempoh empat tahun tersebut adalah rigid dan bertentangan dengan kes-kes tragedi khusus seperti Terowong Mu'assim 1990. Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) memutuskannya selepas empat (4) bulan dan tragedi MH370 pada tahun 2014 yang diputuskan selepas 324 hari sebagai anggapan mati. Manakala dalam undang-undang keluarga Islam di beberapa buah negara Islam seperti Syria, Jordan, Magribi dan Sudan adalah tidak selaras bagi tempoh anggapan mati, antara satu tahun hingga ke empat tahun. Ketidakselarasan ini disebabkan tiada nas sarif yang menuntut ijtihad di sisi pihak pemerintah. Hal yang demikian menunjukkan bahawa tempoh empat tahun bagi anggapan mati dalam enakmen-enakmen Syariah di Malaysia boleh dinilai semula menurut keperluan semasa. Dalam pada itu, Pengerusi MKI mencadangkan tempoh empat tahun tersebut dinilai semula berdasarkan tuntutan maqasid syar'iyah dan perkembangan teknologi semasa. Kajian kualitatif ini bertindak menganalisis dokumen-dokumen perundangan yang dikuatkuasakan. Dapatan kajian boleh dijadikan asas bagi pihak pengubal undang-undang Syariah menilai tempoh yang relevan bagi keperluan negara ini.

**Kata Kunci:** *Anggapan mati, tempoh, undang-undang, negara, Islam*

## Pendahuluan

Kehilangan suami atau isteri dalam tempoh tertentu mewujudkan kesan syarak secara langsung ke atas orang yang masih hidup, khususnya status ikatan perkahwinan dan hak harta pusaka sepeninggalannya. Kes tragedi Mu'assim mengorbankan 1,426 orang jemaah haji, termasuk sembilan belas jemaah Malaysia. Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan kali ke-27, pada 3 Oktober 1990 telah memutuskan semua sembilan belas orang jemaah haji berkenaan sebagai anggapan mati selepas empat (4) bulan selepas tragedi berlaku. Malang tidak berbau, pada 8 Mac 2014, MH370 pula hilang bersama-sama 239 penumpang dan anak kapal ketika dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing. Selepas 327 hari, iaitu pada 29 Januari 2015 Kerajaan Malaysia mengisytiharkan bahawa semua 239 telah terkorban. Berikutan itu, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin memberikan pandangannya berkaitan tragedi MH370:

Penetapan tempoh masa mencari itu perlulah berdasarkan kemudahan dan kepakaran yang dimiliki pada masa kejadian itu berlaku. Kalau zaman dahulu, mungkin orang letak setahun atau enam bulan kerana kemudahan dan kepakaran pada masa itu tidak secanggih pada hari ini.

Kecanggihan teknologi moden boleh mengukuhkan "*qarinah*" kepada *mafqud* serta situasi-situasi *mafqud* yang pelbagai menyebabkan tempoh *mafqud* perlu dinilai secara menyeluruh bagi keadilan pihak yang terlibat.

## Skop dan Metodologi Kajian

Skop kajian menumpukan perbincangan perspektif perundangan bagi tempoh minimum bagi seseorang isteri menunggu untuk pembubaran perkahwinan ketika suaminya dianggap telah mati. Situasi anggapan mati dibahagikan kepada situasi, iaitu situasi yang ghalib membinasakan nyawa seperti kapal karam dan tertimbus bawah bangunan akibat gempa bumi dan situasi tidak membinasakan seperti hilang dalam peperangan. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan (Nor Hisyam 2018; Noraini, 2010). Bahan kajian arkib dikumpulkan bagi meninjau dokumen-dokumen perundangan di Malaysia dan beberapa buah negara Islam berkaitan peruntukan tempoh anggapan mati. Dapatan-dapatan daripada analisis konseptual dan induktif akan memandu kepada sebuah kesimpulan yang berkaitan. Penulisan ini mengemukakan cadangan-cadangan bagi tempoh anggapan mati yang relevan, selaras dengan isu-isu bagi anggapan mati yang menuntut pihak berwajib menyesuaikan dengan ijtihad semasa.

## Asas Perbincangan

### *Pengertian Anggapan Mati*

Anggapan mati atau mafqud menjadi istilah khusus dan mantap bagi fiqh dan perundangan Syariah di Malaysia yang merujuk kepada seseorang yang tidak ketahui berita mati atau hidup dalam tempoh hayatnya tamat. Oleh kerana jasad hakikinya tidak ditemui, maka disesuaikan dengan istilah anggapan mati. Kamus Dewan (2007) dan Arbak (1999) memberikan maksud anggap ialah memandang, berpendapat atau sangkaan tentang sesuatu seperti sikap atau rumusan. Anggapan pula kata nama tambahan “an” yang membawa maksud suatu keadaan yang bermaksud berpandangan, beranggapan atau menyangka. Manakala mati adalah tidak bernyawa, atau roh berpisah dengan jasad, atau perpindahan roh manusia dari alam dunia kepada alam barzakh (Dusuki, 1988).

Dalam percakapan bahasa Arab, orang hilang atau orang yang mati kerana hilang disebut dengan *mafqud* (al-Marbauwi, 1998; Kamus Arab-Melayu, 1973). Istilah *mafqud* digunakan secara konsisten sehingga tidak memiliki istilah lain yang bertukar ganti yang mencakupi semua material yang hilang, termasuk juga manusia. Fuqaha sering kali membincangkannya dalam bab muamalat dan munakahat.

Manakala istilah anggapan mati di Malaysia hanya khusus merujuk kepada kehilangan manusia sahaja. Dalam perundangan Syariah di Malaysia, anggapan mati menjadi subtajuk bagi seksyen 51, 52, 53 atau 54 menurut susunan enakmen undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri. Secara umumnya, istilah-istilah anggapan mati dalam fiqh Islam dan perundangan Islam adalah sama dari sudut konsep dan ciri-cirinya. Maka memadai dibentangkan tiga istilah di bawah bagi mewakili dua cadang ilmu; fiqh dan undang-undang sebagaimana di bawah:

Antara istilah yang mantap daripada undang-undang keluarga Islam di negara-negara Islam adalah Seksyen 109, Kanun Keluarga Islam Algeria yang memperuntukkan:

الشخصُ الغائبُ الذي لا يُعرفُ مكانَهُ، لا يُعرفُ حياته من موتِهِ، ولا يُعتبرُ المفقودُ إلا بحكم

Maksud: Seseorang yang hilang yang tidak diketahui tempatnya, tidak diketahui hidup daripada matinya, dan tidak dikira sebagai mafqud kecuali dengan mahkamah.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Terengganu 2017, Sekyen 51 (a) (1) bagi anggapan mati telah memperuntukkan:

Jika suami mana-mana perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didengar perkhabaran mengenainya bagi suatu tempoh empat tahun atau lebih,...

Berdasarkan istilah-istilah yang dikemukakan di atas menjelaskan bahawa anggapan mati merujuk kepada Orang Yang Hilang tanpa mampu diketahui apa-apa khabar mengenainya yang boleh mengesahkan akan kedudukan sebenarnya sama ada ia masih hidup atau telah meninggal dunia. Maksudnya, orang yang hilang tanpa apa-apa berita lagi selepas kehilangan tersebut.

### ***Bidang Kuasa Pendaftaran Kematian Hakiki***

Anggapan mati diperuntukkan di bawah seksyen 108 Akta Keterangan 1950 (Akta 56) yang memperuntukkan yang berikut:

Apabila soalnya ialah sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengari mengenainya selama tujuh tahun oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup, beban membuktikannya yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskannya.

Dalam kes *In Re Application of Tay Soon Pang*; Ex P5, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Mohd Zawawi Salleh menegaskan berdasarkan seksyen 108 Akta 56, terdapat dua syarat penting untuk melengkapkan maksud bagi “*anggapan kematian*”, iaitu:

- i. Pertama, hendaklah tiada apa-apa khabar yang telah didengar mengenai *al-mafqud* selama tujuh tahun dan,
- ii. Kedua, ketiadaan khabar itu mestilah dialami oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup.

Seksyen 18 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) telah menyatakan dengan jelas bahawa kematian tiap-tiap orang yang mati di Malaysia hendaklah didaftarkan kematiannya dengan syarat mayatnya dijumpai.

### ***Bidang Kuasa Pengesahan Anggapan Mati***

Menurut prosedur, pejabat Pendaftaran tidak akan mengeluarkan Sijil Surat Mati kecuali jasad si mati ditemui secara hakiki. Sehubungan dengan itu, bagi kes individu yang hilang atau tidak ditemui jasadnya secara hakiki, telah diklasifikasikan sebagai “*anggapan mati*” yang terletak di bawah bidang kuasa:

- (a). Mahkamah Tinggi Sivil. satu perintah Anggapan Kematian akan dikeluarkan oleh pihak mahkamah menurut Pengesahan Mahkamah Tinggi sivil ini terpakai bagi semua urusan kecuali pembubaran perkahwinan.
- (b). Mahkamah Tinggi Syariah. Di bawah Sekyen 54, EUKIK 2002 Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mengesahkan anggapan mati bagi urusan pembubaran perkahwinan sahaja.

Bagi kes “*anggapan mati*”, JPN tidak akan mendaftarkan atau mengeluarkan sijil kematian. Walau bagaimanapun, Jabatan ini hanya akan mengemaskini maklumat individu yang telah dianggap mati oleh Mahkamah Tinggi di dalam sistem JPN.

Ini bermakna, JPN tidak menerima pakai perintah Mahkamah Tinggi Syariah. Untuk sebarang urusan mal yang berkaitan individu yang telah dianggap mati, pihak-pihak waris perlulah menggunakan perintah mahkamah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Sivil, termasuk tuntutan harta pusaka di pejabat Tanah.

Permohonan untuk mengemaskini maklumat individu yang telah dianggap mati melalui perintah mahkamah hanya diuruskan oleh JPN Ibu Pejabat Putrajaya sahaja dengan pengeluaran surat makluman bagi pengemaskinian status individu yang telah dianggap mati. Walaubagaimanapun, pemaklum boleh juga mengemukakan permohonan di JPN Ibu Negeri untuk dipanjangkan ke JPN Ibu Pejabat Putrajaya.

### ***Isu Pembubaran Perkahwinan Bagi Suami Hilang***

Atas sebab suami hilang, seorang isteri boleh membubarkan perkahwinan melalui tiga kaedah, namun timbul beberapa kesan syarak tertentu yang perlu diberikan perhatian, terutama terhadap harta pusaka. Tiga bentuk pembubaran perkahwinan seperti di bawah:

(i). Cerai ta'liq atau tebus talak (*al-khulu'*). Jika suami melafazkan ta'liq selepas akan perkahwinan, maka isteri mempunyai hak untuk membubarkan perkahwinannya dengan tebus talak apabila syarat-syarat ta'liq telah dilanggari oleh suami, iaitu meninggalkannya selama 3 bulan, tanpa nafkah zahir, menyakiti tubuh badan, atau melesapkan hartanya. (Lazaf ta'liq Kelantan). (rujuk seksyen 49 EKIK 2002)

Maka, hak yang boleh dituntut oleh isteri ialah Nafkah eddah, mut'ah, harta sepencarian, hadhanah, nafkah Anak, tunggakkkan Nafkah dan hak tempat tinggal. Ia tidak berhak mendapatkan harta pusaka jika bekas suaminya meninggal dunia selepas ia diceraikan secara fasakh dan begitu juga sebaliknya.

(ii). Fasakh: pembubaran melalui seksyen 53, EUKIK 2002 secara jelas memberikan hak kepada isteri membubarkan perkahwinan apabila suaminya tidak diketahui tempat keberadaannya selama 1 tahun (ghaib), atau tidak memberi nafkah wajib selama 3 bulan.

Maka, isteri berhak mendapat hak nafkah dan mutaah menurut syarat-syaratnya, tetapi Isteri tidak berhak mendapat harta pusaka bekas suaminya.

(iii). Anggapan Mati selepas 4 tahun kehilangan suaminya tanpa perkhabaran ke atas menurut Seksyen 54, EUKIK 2002. Pembubaran melalui peruntukan ini memberi kesan syarak kepada:

- (a). Isteri berhak menuntut harta pusaka suaminya kerana pembubaran perkahwinan di bawah seksyen 54 berlaku kemudian daripada keluar ketetapan daripada Mahkamah suami telah dianggap mati.
- (b). isteri wajib beriddah selama 4 bulan, 10 hari sebagai iddah wafat.<sup>1</sup>
- (c). Jika suami mafqudnya pulang semula, jika isterinya belum berkahwin maka perkahwinan itu kekal tanpa akad nikah baru dan tanpa mahar yang baru. Tetapi jika isterinya telah berkahwin, maka menurut mazhab Syafie adalah perkahwinan dengan suami kedua terbatal, isteri perlu beriddah tiga bulan dan kembali kepada suami mafqud. Manakala mazhab Malik, perkahwinan suami kedua kekal dan suami mafqud mendapat maharnya semula.

## Dapatan Kajian

### *Bidang Kuasa Syariah dalam Isu Anggapan Mati di Malaysia.*

Mahkamah Syariah berbidang kuasa untuk mengisytiharkan anggapan kematian di bawah seksyen 53(1), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam No. 6/2002, Negeri Kelantan (EUKIK 2002) terpakai khusus untuk kes “bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula” sahaja.

#### *Seksyen 54. Anggapan mati.*

- (1). Jika suami mana-mana perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didengar perkhabaran mengenainya bagi suatu tempoh empat tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegini hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap mengikut Hukum Syarak sebagai telah mati, maka Mahkamah boleh, di atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa siasatan yang wajar, mengeluarkan dalam bentuk yang ditetapkan, suatu perakuan menganggap kematian suami itu dan Mahkamah boleh di atas permohonan perempuan itu membuat perintah bagi pembubaran perkahwinan atau fasakh sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 53.<sup>2</sup>
- (2) Suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai perakuan kematian suami itu dalam erti perenggan 14 (4) (b).<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Hanya Imam Malik berpendapat isteri mafqud wajib beriddah 4 bulan 10 hari tetapi tidak wajib berkabung. Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah, j. 2, h. 105.

<sup>2</sup> Seksyen 53. Perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh.

<sup>3</sup> Seksyen 14. Perkahwinan seseorang perempuan. (1) Tiada seseorang perempuan boleh, dalam masa perkahwinannya dengan seorang lelaki berterusan, berkahwin dengan seseorang lelaki lain. (2) Jika perempuan itu adalah seorang janda-(a) tertakluk kepada perenggan (c), dia tidak boleh, pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh 'iddahnya yang dikira mengikut Hukum Syarak, berkahwin dengan seseorang melainkan kepada lelaki yang akhir dia telah bercerai; (b) dia tidak boleh berkahwin melainkan dia telah mengemukakan- (i) suatu surat perakuan cerai yang sah yang dikeluarkan di bawah undang-undang yang pada masa itu berkuat kuasa; (ii) suatu salinan yang diperakui bagi catatan yang berkaitan dengan penceraian dalam daftar penceraian yang berkenaan; atau (iii) suatu perakuan, yang boleh diberi atas permohonannya selepas penyiasatan yang wajar oleh Hakim Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana permohonan itu dibuat, yang bermaksud bahawa dia adalah seorang janda; dan (c) jika perceraian itu adalah dengan *ba-in kubra*, iaitu tiga talaq, dia tidak boleh berkahwin semula dengan suaminya yang dahulu itu, melainkan dia telah berkahwin dengan sah dengan seorang lain dan dia telah disetubuhi oleh seorang lain itu dalam perkahwinan itu dan perkahwinan itu dibubarkan kemudiannya dengan sah dan setelah habis 'iddahnya. (3) Jika perempuan itu mendakwa telah bercerai sebelum dia telah disetubuhi oleh suaminya dalam perkahwinan itu, dia tidak boleh, dalam masa 'iddah perceraian biasa, berkahwin dengan seseorang yang lain daripada suaminya yang dahulu itu, kecuali dengan kebenaran Hakim

- (3) Dalam hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1), seseorang perempuan adalah tidak berhak berkahwin semula tanpa suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) walau apa pun Mahkamah Tinggi mungkin telah memberi kebenaran menganggap suami itu telah mati.
- (4) Perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah didaftarkan seolah-olah perakuan itu telah mewujudkan pembubaran perkahwinan.

Permohonan seksyen 54 hanya boleh dibuat oleh pihak isteri sahaja. Manakala ibu bapa atau anak-anak tidak mempunyai *locus standy* dalam peruntukan ini. Seksyen 54, kemudiannya menjelaskan bahawa isteri *al-mafqud itu tidak berhak berkahwin semula* tanpa perakuan yang dikeluarkan di bawah seksyen 54(1), walaupun pengisytiharan anggapan kematian dibuat oleh mahkamah sivil. Ini kerana Mahkamah Tinggi Sivil tidak berbidang kuasa dalam urusan perkahwinan umat Islam.

Secara tidak langsung undang-undang negeri mengakui bahawa terdapat pertindihan kuasa antara mahkamah sivil dengan mahkamah syariah apabila timbul isu perakuan anggapan mati. Sesuatu yang membezakan antara peruntukan undang-undang sivil dan undang-undang Syariah adalah tempoh yang perlu ditunggu oleh waris untuk menetapkan bahawa seseorang yang hilang telah dianggap mati. Undang-undang sivil, waris perlu menunggu 7 tahun manakala undang-undang syariah, 4 tahun.

Perkara 121 (1A) telah menyatakan dengan jelas bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai kuasa terhadap perkara yang jatuh di bawah bidang kuasa mahkamah syariah. Memandangkan status *al-mafqud* yang beragama Islam berkait dengan undang-undang diri (*personal law*), khususnya melibatkan soal perkahwinan dan pembahagian harta pusaka, maka sudah jelas bahawa mahkamah syariah sahaja yang mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk memutuskan isu anggapan kematian *al-mafqud*.

#### ***Isu Peruntukan Bagi Anggapan Mati Dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002 (EUKIK 2002)***

Penetapan tempoh 4 tahun atau lebih dalam EUKIK 2022 adalah lafaz qatie yang tidak menerima takwilan. Hal ini mengikat pertimbangan hakim syarie. Manakala maksud bagi situasi-situasi anggapan mati adalah umum dengan penetapan tempoh minima 4 tahun tanpa memperincikan situasi-situasi kepada sebab berlakunya anggapan mati, sedangkan sebab dan keadaan *al-mafqud* boleh dibahagikan kepada dua bahagian yang memberikan kesan-kesan yang berbeza dan nyata. Hakim tidak mempunyai ruang untuk memendekkan tempoh anggapan mati bagi kes kebinasaan yang khusus melalui seksyen 54, kecuali memakai seksyen 130 mengenai “kluasa lakuna” atau “safety clause” kepada hukum syarak.

Sekyen 54 juga tidak menjelaskan apakah tindakan-tindakan yang perlu dilakukan jika suami mafqud masih hidup dan kembali semula

- (i). Nafkah isteri dan ahli dalam tempoh mafqud.
- (i). Hak suami mafqud ke atas isterinya yang telah berkahwin dengan suami baru.
- (iii). Hak suami baru jika perkahwinan dibubarkan atau dikekalkan.
- (ii). Hak-hak isteri jika ia berpisah dengan suami baru.

Berdasarkan kesepakatan *mazahib empat* di atas; keputusan Mahkamah Syariah pada sekyen 54 EUKIK 2002 memberikan kesan syarak berikut:

---

Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat pengantin perempuan itu bermastautin. (4) Jika perempuan itu adalah seorang balu- (a) dia tidak boleh berkahwin dengan seseorang pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh 'iddahnya yang dikira mengikut Hukum Syarak; dan (b) **dia tidak boleh berkahwin melainkan dia telah mengemukakan surat perakuan kematian suaminya atau dengan cara lain membuktikan kematian suaminya.**

- (a). Suaminya telah dianggap mati.
- (b). Isteri wajib beriddah kematian selama 4 bulan 10 hari, dan jika mengandung ia wajib beriddah sehingga melahirkan anak.
- (c). Isteri wajib berkabung (*ihdad*) selama 4 bulan 10 hari.
- (d). Isteri / balu berhak menuntut harta pusaka bagi bahagiannya kerana pembubaran perkahwinan anggapan kematian suaminya.

### ***Tempoh Anggapan Mati Dalam Undang-Undang Kekeluargaan Bagi Beberapa Negara Islam***

#### *a. Kuwait*

Undang-Undang Keluarga Islam Kuwait No. 51/1984.

Sekyen 146 memperuntukan menetapkan tempoh minima ialah 4 tahun;

الشخص الذي يغلب عليه الهلاك بعد أربع سنين من تاريخ فقد

Maksud: Seseorang yang pada ghalib ditimpa kebinasaan **selepas 4 tahun** daripada tarikh kehilangannya.

#### *b. Mesir*

Undang-Undang Keluarga Mesir No. 25, tahun 1929, Pindaan 1957.

Abu Zahrah (1957) menukulkan seksyen 103, pindaan tahun 1957;

يحكم بموت المفقود الذي يغلب عليه الهلاك بعد أربع سنين من تاريخ فقد،

Maksud: Diputuskan sebagai mati mafqud yang kelaziman padanya kebinasaan selepas 4 tahun daripada tarikh hilangnya.

#### *c. Algeria*

**Undang-Undang Keluarga Islam, Algeria, Pindaan 2005.**

### **Seksyen 113 Undang-undang Keluarga Islam Algeria 2005 memperuntukkan;**

يجوز الحكم بموت المفقود في الحروب والحالات الاستثنائية بمضي أربع سنوات بعد التحري، وفي الحالات التي تغلب فيها السلامة يفوض الأمر إلى القاضي في تقدير المدة المناسبة بعد مضي أربع سنوات .

Maksud: Harus diputuskan sebagai mati mafqud dalam perang dan keadaan-keadaan yang membinasakan selepas berlalu 4 tahun daripada pencarian. Bagi situasi-situasi yang lazimnya selamat, diserahkan kepada hakim untuk menentukan tempoh yang munasabah selepas berlalu 4 tahun.

Al-Ghauth (1427 H) menjelaskan maksud (الحالات الاستثنائية) ialah situasi yang membinasakan seperti gempa bumi, perang saudara dalam negara Islam, serangan terorist dan kemalangan udara.

#### *d. Maghribi*

Undang-Undang Keluarga Islam Maghribi, 2004.

Tempoh mafqud ialah minina 1 tahun bagi kes kebinasaan yang lazim dalam seksyen 327;

يحكم بموت المفقود في حالة استثنائية يغلب عليه فيها الهلاك بعد مضي سنة من تاريخ اليأس من الوقوف على خبر حياته أو مماته. أما في جميع الأحوال فيفوض أمد المدة التي يحكم بموت المفقود بعدها إلى المحكمة وذلك كله بعد التحري والبحث عنه بما أمكن من الوسائل بواسطة الجهات المختصة بالبحث عن المفقودين.

Maksud: Diputuskan dengan kematian bagi situasi tertentu yang lazim membinasakan selepas berlalu tempoh 1 tahun daripada tarikh kegagalan mendapatkan berita hidup atau matinya. Manakala bagi situasi umum, tempohnya diserahkan kepada mahkamah selepas mengambil segala usaha pencarian daripada kaedah-kaedah pencarian yang khusus (profesional) bagi orang-orang yang hilang.

Sehubungan itu, ia dipecah kepada dua situasi; sitausi membinasakan dan sitausi tidak membinasakan nyawa. Jika situasu membinaskan tempohnya ialah 1 tahun, jika tidak membinasakan, diserahkan kepada kebijaksanaan hakim syarie.

#### e. Tunisia

Undang-Undang Keluarga Tunisia, Tahun 1956, Pindaan 2007.

Seksyen 82, Kanun Keluarga Islam Tunisia telah memperuntukkan bagi kes melibatkan kebinasaan nyawa pada kebiasaannya adalah tidak melebihi 2 tahun, iaitu;

إذا فقد الشخص في وقت الحرب أو في حالات استثنائية يغلب فيها الموت فإن الحاكم يضرب أجلا لا يتجاوز العامين للبحث عنه ثم يحكم بفقده. وإذا فقد الشخص في غير تلك الحالات فيفوض أمر المدة التي يحكم بموت المفقود بعدها إلى الحاكم بعد التحري بكل الطرق الموصلة إلى معرفة إن كان المفقود حيا أو ميتا.

Maksud: Apabila seseorang hilang dalam peperangan atau situasi khusus yang lazimnya membinasakan kepada kematian, maka hakim memberikan tempoh tidak lebih 2 tahun untuk pencariannya, kemudian selepas itu diputuskan dengan anggapan mati. Manakala bagi kehilangan seseorang yang bukan situasi yang khusus, maka diserahkan kepada hakim untuk menetapkan tempohnya selepas mengambil segala usaha pencarian yang memenuhi maksud pencarian bagi orang-orang yang hilang, sama ada hidup atau mati.

#### f. Mauritania

Undang-Undang Keluarga Islam Moretania No. 052/2001.

Jumlah penduduk Mauritania ialah lebih kurang 5 juta dengan 99.9 % penduduk beragama Islam. Sebuah negara di wilayah Maghrib di Afrika Utara Barat. Tempoh minimum bagi anggapan mati ialah 1 tahun. Seksyen 240 memperuntukkan;

أنه يجوز الحكم بموت المفقود في الحالات الاستثنائية التي يغلب الظن هلاكه فيها بعد انقضاء سنة من تاريخ اليأس من وجود خبره، وفي الحالات الأخرى يوكل تحديد مدة التمويت لاجتهاد القاضي اعتبارا بمدة التعمير . ويتبدئ ضرب الأجل بعد انتهاء البحث عن المفقود بكل الوسائل الممكنة



Maksud: Adalah boleh bagi hakim memutuskan dengan anggapan mati bagi situasi khusus yang lazim membawa kematian selepas berakhir tempoh 1 tahun daripada tarikh terputus berita mengenainya. Manakala bagi situasi yang lain, penentuan tempohnya diserahkan kepada ijihad hakim menurut tempoh umur hidup seseorang. Tempoh tersebut bermula daripada tarikh segala usaha pencarian orang yang hilang dijalankan.

*g. Syria*

Undang-Undang Keluarga Islam Syria, Pindaan 2020.

Negara Syria memecahkan kepada dua situasi, iaitu maksimum 80 tahun bagi anggapan yang umum dan minimum 4 tahun bagi situasi lazim membinasakan sebagaimana jadual di bawah;

<p>المادة 205 (أ)</p>	<p>ينتهي فقدان بعودة المفقود أو بموته أو بالحكم باعتباره ميتاً عند بلوغه الثمانين من العمر</p>	<p>Berakhirnya kehilangan dengan kembali mafqud atau dengan keputusan hakim dengan anggapan mati pada ketika sampai 80 tahun umurnya.</p>
<p>(ب)</p>	<p>ويحكم بموت المفقود بسبب العمليات الحربية أو الحالات المماثلة المنصوص عليها في القوانين العسكرية النافذة والتي يغلب عليه فيها الهلاك وذلك بعد أربع سنوات من تاريخ فقدانه</p>	<p>Mafqud dihukumkan mati dengan sebab tugas-tugas peperangan atau keadaan-keadaan yang diperuntukkan dalam ketenteraan yang berkuatkuasa dan orang yang binasa dengan zan yang kuat adalah 4 tahun daripada tarikh hilangnya.</p>

*h. Jordan*

Undang-Undang Keluarga Jordan No. 36, Tahun 2010.

Bassam (T.th) menyatakan situasi anggapan mati di Jordan dipecahkan 3 situasi, iaitu;

- i). Minima 4 tahun bagi kehilangan yang dimaklumi.
- ii). Minima tempoh 1 tahun bagi kejadian yang lazim membinasakan seperti gempa bumi.
- iii). Tiada tempoh bagi kehilangan umum.

<p>المادة (249)</p>	<p>يُحْكَم بموت المفقود إذا كان فقدّه في جهة معلومة ويغلب على الظن موته بعد مرور أربع سنين من تاريخ فقدّه، أما إذا كان فقدّه إثر كارثة كزلزال أو غارة جوية أو في حالة اضطراب الأمن وحدث الفوضى وما شابه ذلك فيحكم بموته بعد سنة من فقدّه.</p>	<p>Seksyen 249: Mafqud dihukumkan sebagai mati apabila kehilangannya pada sudut yang boleh dikenal pasti dan mempunyai zann yang berat keadaan kematiannya adalah selepas berlalu empat tahun daripada tarikh kehilangannya. Manakala jika kehilangannya akibat mala petaka (bencana) seperti gempa bumi, kemalangan udara (serangan udara), kekacauan, huru hara (rusuhan / perang saudara) atau seumpunya, maka dihukum sebagai mati selepas 1 tahun daripada tarikh kehilangannya.</p>
-------------------------	---	---

المادة 250	إذا فُقد في جهة غير معلومة ولا يغلب على الظن هلاكه فيفوض أمر المدة التي يُحكّم بموته فيها إلى القاضي على أن تكون تلك المدة كافية في أن يغلب على الظن موته، ولا بد من التحري عنه بالوسائل التي يراها القاضي كافية للتوصل إلى معرفة ما إذا كان حيًّا أو ميتًّا.	Sek. 250: Apabila kehilangan dari sudut yang tidak dikenal pasti dan tidak mempunyai zann yang kuat atas kebinasaannya, maka tempoh masa kematiannya diserahkan kepada hakim menurut pertimbangan tempoh yang munasabah bagi kematiannya. Dan ini, tertakluk kepada selepas segala usaha yang wajar dan mencukupi telah diambil oleh pihak berkenaan bagi mengenal pasti sama ada hidup atau mati (peruntukan ini maksudnya hakim merujuk kepada umur lazim bagi keluarga atau tempatnya seperti Mazhab Hanafi 90 tahun – 120 tahun, Mazhab Syafie ijthad hakim berdasarkan uruf)
251	يعد صدور الحكم بموت المفقود تاريخًا لوفاته	Anggapan tarikh mati mafqud adalah pada tarikh keputusan hakim syarie
252	الحكم بموت المفقود يترتب عليه ما يلي: (أ) -تعدد زوجته اعتبارًا من تاريخ الحكم عدة الوفاة (ب) -تقسم تركته بين ورثته الموجودين وقت الحكم	Keputusan mati mafqud memberikan kesan-kesan berikut; (i). iddah isterinya diperkira daripada tarikh keputusan hakim sebagai iddah wafat. (ii). Hartanya dibahagikan di kalangan warisnya yang masih ada pada waktu keputusan hakim.
253	إذا حكم بوفاة المفقود، ثم تحققت حياته: (أ) -يرجع على الورثة بتركته ما عدا ما استهلك منها (ب) -تعود زوجته عصمته ما لم تتزوج ويقع الدخول بها	Jika hakim memutuskan mafqud telah mati, kemudian didapati benar ia masih hidup: (i). Hendaklah warisnya mengembalikan apa-apa harta yang masih ada daripada hartanya. (ii). Isterinya kembali kepada miliknya selama masa belum berkahwin dan berlaku persetubuhan dengannya.

### i. Sudan

Undang-Undang Keluarga Islam Tahun, Sudan, 1991.

Dipecahkan kepada dua situasi. (i) Tempoh minima 4 tahun bagi kehilangan biasa. (ii) Tempoh minima 2 tahun bagi kehilangan yang lazim membinasakan.

المادة 263	ينتهي فقد المفقود في أي من الحالات الآتية:	Berakhir kehilangan mafqud dengan salah satu keadaan-keadaan berikut: (i). Ia kembali dalam keadaan hidup. (ii). Telah sabit kematiannya.
---------------	--	---

	(أ) عودته حياً، (ب) ثبوت وفاته، (ج) الحكم بموته.	(iii). Perintah Mahkamah dengan kematiannya.
المادة 264	يجوز للقاضي أن يحكم بموت المفقود في أى من الحالات الآتية: (أ) قيام دليل على وفاته، (ب) فقده في ظروف: (أولاً) لا يغلب فيها الهلاك ومضى أربع سنوات على الأقل، من تاريخ فقده، (ثانياً) يغلب فيها هلاكه، ومضى سنتين على ذلك.	Harus bagi hakim memutuskan sebagai mati seorang mafqud menurut keadaan berikut; (i). wujud dalil (keterangan) atas kematiannya, atau (ii). Kehilangannya dalam situasi-situasi berikut; (a). keadaan yang tidak lazim kebinasaan, maka sekurang-kurangnya berlalu masa 4 tahun dari tarikh kehilangannya. (b). situasi yang lazim membawa kebinasaan, maka berlalu masa 2 tahun dari tarikh kehilangannya.

Berdasarkan maklumat-maklumat daripada peruntukan-peruntukan bagi sembilan buah negara Islam di atas, diringkaskan kepada jadual di bawah bagi tempoh minima menunggu bagi kes anggapan yang lazimnya membinasakan nyawa mangsa;

Tahun Minima	Negara	Jumlah Negara
1 Tahun	Mahgribi, Mauritania & Jordan	3
2 Tahun	Tunisia & Sudan	2
4 Tahun	Kuwait, Mesir, Algeria & Syria	4

### Kesimpulan

Berdasarkan peruntukan-peruntukan yang dikuatkuasakan dalam sembilan buah negara Islam menunjukkan ketidakselarasan tempoh minima bagi mafqud di antara negara-negara Islam. Tempohnya antara 1 tahun hingga 4 tahun bagi situasi mafqud yang situasi membinasakan pada kelazimannya. Ketidakselarasan tempoh mafqud tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syarak disebabkan menentukan tempoh mafqud adalah urusan siasah syar'iyah di bawah ijthad dan kebijaksanaan *uli 'amri*.

### Rujukan

- Abu Zuhrah. (1957). *Ahwal al-Shakhsyiyah* (3rd ed., pp. 498–499). Mesir: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Ahmad, D. B. (1988). *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Al-Ghawth, A. K. (2007). *Sultat al-Qadi fi Ibram 'Aqd al-Nikah wa Inha'ih: Dirasah Muqaranah fi al-Fiqh al-Islami wa Qanun al-Usrah al-Jaza'ri* (p. 125). Tunisia: Universiti Waharan, al-Saniya.
- Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah. (2007). Kuwait: Wazirah al-Awqaf al-Kuwaitiyyah.
- Arbak Othman. (1999). *Kamus Bahasa Melayu* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Bassam Muhammad Qasim Umar. (n.d.). *Ahkam al-Mafqud bain al-Fiqh al-Islami wa Qanun Ahwal al-Shakhsyiyah al-Urduniyya wa Kuwaitiyyah* (p. 2038).
- Dusuki Bin Ahmad. (1988). *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, Negeri Kelantan, 2002.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, Negeri Terengganu, 2017.
- JAKIM. (2014). *Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, 25 Mac 2014, MH370*. Retrieved May 4, 2023, from <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10317>
- Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. (2014). *Muzakarah Khas MH370, 25 Mac 2014*. Retrieved July 3, 2023, from <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10317>
- Kamus Dewan. (2007). *Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marbauwi, M. I. A. (1998). *Kamus Al-Marbauwi*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Mohamed Hadi Bin Abd Hamid. (2014). Anggapan kematian al-mafqud menurut undang-undang sivil dan Syariah: Satu penilaian semasa. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 26(1), June 2014.
- Mohd Kamarul Khaidir Saadani, Mohamad Sabri Haron, & Mohd Zamro Muda. (2021). Harta mafqud selepas perintah anggapan kematian: Pemilikan dan transaksi harta mafqud selepas perintah anggapan kematian. In *International Conference On Syariah & Law 2021 (ICONSYAL 2021)* (pp. 429–434). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mushaddad Hasbullah, Mohamad Zaharuddin, & Zakaria Zahari Mahad Musa. (2016). Pewarisan harta orang hilang (al-mafqud): Tinjauan terhadap pandangan Syariah dan perlaksanaannya. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4(1), 1–12.
- Undang-Undang Keluarga Islam Maghribi, 2004.
- Undang-Undang Keluarga Islam, Algeria, Pindaan 2005.
- Undang-Undang Keluarga Islam, Kuwait, No. 51/1984.
- Undang-Undang Keluarga Islam, Moretania, No. 052/2001.
- Undang-Undang Keluarga Islam, Syria, Pindaan 2020.
- Undang-Undang Keluarga Islam, Tahun 1991, Sudan.
- Undang-Undang Keluarga Jordan, No. 36, Tahun 2010.
- Undang-Undang Keluarga Mesir, No. 25, Tahun 1929, Pindaan 1957.
- Undang-Undang Keluarga Tunisia, Tahun 1956, Pindaan 2007.
- Wan Zahari Wan Yusuff, Muhammad Azwan Sulaiman, & Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari. (2019). Isu dan penyelesaian harta al-mafqud: Satu pemerhatian. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Retrieved July 2, 2023, from <https://bit.ly/3TXNUx4>